

10 FEB 2004

Abdullah-Kejayaan

BUKAN MUDAH MENGURUSKAN KEJAYAAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

berkata bukanlah mudah bagi beliau untuk menguruskan kejayaan yang diserahkan kepadanya oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya semasa mula-mula menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia kelima, beliau mendapati cabaran utama yang akan beliau hadapi ialah untuk menguruskan dan membangunkan kejayaan yang ditinggalkan oleh Dr Mahathir.

"Saya tidak mewarisi sebuah negara yang dalam kekacauan. Saya tidak mewarisi peperangan, kemusnahan atau krisis. Sebaliknya, apabila Tun Dr Mahathir menyerahkan tugas-tugas urus tadbir, beliau telah memastikan bahawa saya mewarisi kejayaan," katanya semasa berucap pada majlis jamuan amal Yayasan Cambridge di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata menguruskan kejayaan bukanlah mudah dan dalam dunia yang berubah secara pantas dan persaingan yang semakin bertambah meningkat, Malaysia perlu bekerja keras untuk terus bertahan serta kekal di hadapan.

"Tidak ada makan tengah hari percuma untuk kami. Mantra global ialah bersaing atau binasa, dan kita perlu menyahut cabaran ini," katanya.

Beliau berkata rakyat boleh memilih untuk berpuas hati dengan apa yang mereka ada, tetapi akhirnya akan mendapati bahawa kejayaan yang tidak diuruskan serta dibangunkan ialah satu kejayaan yang sepintas lalu dan cuma seketika.

Mengenai agenda yang beliau telah gariskan, Abdullah berkata beliau gembira kerana agenda itu diterima oleh rakyat.

"Rakyat memberikan respons yang baik terhadap beberapa cadangan saya dan saya akan menggunakan ulasan mereka untuk lebih memperhalusi agenda saya, terutamanya daripada segi pelaksanaannya," kata beliau lagi.

Dengan penuh keyakinan, Abdulah berkata agendanya bukan sekadar

berpura-pura atau untuk memancing undi.

"Agenda yang telah saya bentangkan itu ialah sesuatu yang saya ingin lihat ianya dilaksanakan dan bukannya sesuatu yang sedap diucapkan sekadar untuk mendapat tepukan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau menyedari mengenai harapan tinggi yang diletakkan terhadap pentadbirannya.

"Ini amat jauh berbeza daripada pengharapan yang amat rendah di kalangan rakyat sebelum saya menjawat jawatan," kata beliau.

Abdullah berkata apa yang beliau telah sedia lakukan ialah untuk membawa kerajaan kembali kepada rakyat.

"Kerajaan yang berkhidmat kepada rakyat dengan lebih baik, memberikan kuasa kepada rakyat," katanya.

Abdullah berkata pelawaannya supaya bekerja bersamanya akan memberikan kuasa kepada rakyat.

"Berikan kuasa kepada kerajaan ini untuk memberikan kuasa kepada anda.

Percayakan kepimpinan ini yang mempercayai anda. Bekerja bersama-sama saya, untuk bekerja bersama-sama anda," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NN HM ROS